

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**  
**RUJUKAN : BL2 [PR-1332-T68720]**  
**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah drastik yang boleh dibuat bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang amat teruk pada waktu puncak menghantar dan mengambil pelajar-pelajar di Garden International School di Mont Kiara dan mengapakah masih tiada tindakan undang-undang diambil terhadap pihak sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur maklum dengan kesesakan lalulintas semasa menghantar dan mengambil pelajar-pelajar di **Garden International School di Mont Kiara** khasnya antara jam 7.45 pagi hingga 8.15 pagi dan dari jam 2.30 petang hingga 3.00 petang.

Di samping itu ramai di kalangan penghuni di beberapa buah kondominium yang berada di laluan jalan ke sekolah tersebut seperti Kondominium Anggun Puri, Kondominium Duta Ria, Kondominium Mesra Terrace, Menara Duta, Menara Duta 2 dan beberapa kondominium lain yang meletakkan kenderaan mereka di luar kondominium yang menyebabkan halangan lalu lintas.

DBKL dari masa ke semasa telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas. Mengikut statistik tindakan dari **Januari** hingga **April 2015** sejumlah **157 notis kesalahan lalulintas** telah dikeluarkan di samping sejumlah 4 buah kenderaan telah ditunda. DBKL akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dari masa ke masa di lokasi.